

PAS dan Umno sepakat letak muka baru di Kuala Besut
Malaysian Insider
July 10 , 2013
Oleh The Malaysian Insider

PAS dan Umno nampaknya bersepakat dalam satu perkara di dalam pilihan raya kecil (PRK) Kuala Besut iaitu mencalonkan muka baru.

Calon Barisan Nasional (BN), Tangku Zaihan Che Ku Abdul Rahman merupakan Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pengaliran dan Saliran (Bahagian Korporat) yang baru berusia 37 tahun manakala PAS memilih ahli perniagaan, Azlan Yusof atau lebih dikenali dengan nama Che Long, 48 tahun.

Kedua-dua mereka bertanding buat pertama kalinya dalam pilihan raya melalui PRK ini.

Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengumumkan calon PAS malam tadi manakala Timbalan Presiden Umno, Tan Sri Muihyidin Yassin mengumumkan calon BN petang semalam.

Kedua-dua calon ini mempunyai kelebihan tersendiri sehingga menyebabkan parti masing-masing memilih mereka.

Tengku Zaihan, misalnya, sangat relevan dengan masalah yang dihadapi kelompok utama pengundi Kuala Besut iaitu nelayan.

Sebagai jurutera Jabatan Parit dan Saliran, beliau sangat diharapkan dapat membantu masalah yang sentiasa sahaja menghantui penduduk di sini.

Antara masalah utama penduduk Kuala Besut adalah kuala sungai mereka yang mudah cetek akibat pemendapan pasir di muaranya. Akibatnya, bot-bot nelayan mereka sukar untuk masuk ke jeti terutama bot nelayan laut dalam.

Kesannya, sebahagian besar pemilik bot laut dalam mendaratkan ikan mereka di Perlabuhan Tok Bali di sebelah Kelantan berbanding dengan pusat pendaratan ikan Kuala Besut.

Berbeza dengan muara sungai di Kuala Besut, Perlabuhan Tok Bali tidak menghadapi masalah mendapan pasir ini kerana dasar sungainya dari tanah liat.

Dijangka beri saingan sengit Calon PAS, Azlan atau lebih dikenali Che Long oleh masyarakat Kuala Besut khas di Kampung Baru, seorang ahli perniagaan yang berakar dengan masyarakat tempatan.

Pencalonan beliau sebenarnya memecah tradisi PAS di sini yang biasanya memilih calon di kalangan guru agama atau ustaz.

PAS Besut menyenaraikan tiga nama untuk dipilih oleh PAS Pusat. Che Long dan dua orang lagi ustaz. Namun PAS memilih Che Long untuk menjadi calon kali ini.

Pemilihan beliau amat sesuai dengan aktiviti harian masyarakat Kuala Besut yang dekat dengan perniagaan. Ini kerana ramai pengundi Kuala Besut terlibat dengan industri pelancongan, industri hiliran dari perikanan dan petanian.

Industri kecil pembuatan keropok, perkhidmatan dalam industri perlancongan misalnya sangat dekat dengan ahli perniagaan berbanding dengan ustaz.

Pengarah Pilihan Raya PAS, Datuk Husam Musa ketika bercakap kepada wartawan sebelum ini berkata, faktor calon amat penting dalam PRK ini.

"Penduduk Kuala Besut adalah antara penduduk yang termiskin di Terengganu kerana tak ada bantuan ekonomi yang memberikan manfaat yang jitu kepada mereka," kata Husam yang menyifatkan calon PAS dapat membantu pengundi dengan baik jika terpilih.

Pendekatan, pengumuman calon semalam adalah permulaan baik untuk kedua-dua pihak dalam pilihan raya kecil yang bakal berlangsung pada 24 Julai ini.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 24 Julai sebagai hari pengundian untuk PRK manakala 20 Julai hari pembuangan undi awal. 12 Julai pula ditetapkan sebagai hari penamaan calon.

PRK diadakan ekoran kematian Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang juga Exco kerajaan negeri Terengganu, Dr A Rahman Mokhtar, selepas 50 hari terpilih untuk kali kedua sebagai Adun.

Pada pilihan raya umum ke 13 (PRU13) lalu, A. Rahman memperolehi 8,809 undi sementara calon PAS, Napisah Ismail mendapat 6,375 undi. BN menang dengan majoriti 2,434 undi. - 10 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-dan-umno-sepakat-letak-muka-baru-di-kuala-besut/>